



By **Mohd Arshad** | 18/08/2022 | 0 | 85

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melaporkan sehingga 30 April lalu seramai 912,418 pembayar cukai menggunakan ByrHASIL FPX.

#### **Ikuti Mynewshub: Telegram**

Manakala seramai 30,517 lagi pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab mereka melalui ByrHASIL Kad Kredit.

Angka tersebut suatu perkembangan yang menggalakkan dalam Malaysia menuju kepada sebuah negara berdasarkan teknologi tanpa tunai.

Sejak bermulanya pandemik, lebih separuh daripada pengguna Asia Tenggara telah mengurangkan kekerapan penggunaan wang tunai.

Kajian 'Consumer Payment Attitudes Study 2022 : Navigating A New Era In Payments' mendapati sikap ini diterajui pengguna di Singapura (97 peratus), Malaysia (96 peratus), Indonesia (95 peratus) dan Vietnam (95 peratus)

Antara kelebihan transaksi dalam tunai adalah menjimatkan masa sekali gus mengurangkan "idle time" dan meningkatkan produktiviti negara.

Ia lebih selamat kerana tidak perlu khuatir terhadap insiden rompakan atau keciciran wang dan lebih mudah diuruskan serta kurang risiko kesalahan.

Justeru bagi yang belum mengetahui, ByrHASIL adalah aplikasi elektronik untuk pembayaran cukai pendapatan melalui bank-bank yang dilantik.

Salah satu perkhidmatan itu adalah menggunakan FPX sebagai Gateway untuk pengguna membayar cukai mereka.

Pengguna perlu mempunyai akaun perbankan elektronik dengan mana – mana bank yang menyertai FPX untuk menggunakan perkhidmatan ByrHASIL.

Kedua adalah pembayaran cukai melalui

ByrHASIL menggunakan kad kredit secara dalam talian di  
<https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard>

Perkhidmatan ini boleh digunakan untuk semua kad kredit/debit VISA, Mastercard dan American Express yang dikeluarkan di Malaysia.

Bayaran Cukai Pendapatan melalui Kad Kredit boleh dilakukan di portal ByrHASIL dari pukul 12 am hingga 10:59 pm setiap hari.

Perkhidmatan itu bagaimanapun akan ditutup dari 11:00 pm hingga 11:59 pm setiap hari bagi tujuan penyenggaraan sistem.

Bagi mengetahui senarai bank terlibat untuk perkhidmatan ByrHASIL boleh klik ke pautan berikut  
<http://www.paynet.my/fpx/banks-tpa.html>.

Usah terlalu bimbang akan berlaku kegagalan semasa menggunakan aplikasi elektronik ByrHASIL.

LHDNM akan menguruskan pembayaran balik ke akaun pembayar cukai dengan kerjasama PayNet dan bank pembayar cukai.

8/19/22, 10:43 AM

ByrHASIL Permudahkan Pembayaran Cukai « MYNEWSHUB

-Mynewshub